

16 DEC 1996

DPIKM-Yahya

DPIKM MENYOKONG PENDIRIAN KERAJAAN DI WTO

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Dewan Perniagaan Dan Industri Kebangsaan Malaysia (DPIKM) menyokong penuh pendirian yang diambil kerajaan di Mesyuarat Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura baru-baru ini dalam menolak fahaman perlindungan negara-negara maju.

Presiden DPIKM Tan Sri Yahya Ahmad malam ini berkata, fahaman perlindungan oleh mereka termasuk mengutarakan pelbagai isu sensitif seperti standard buruh, prosedur pembelian kerajaan, peraturan perdagangan, peraturan persaingan dan hubung kait mereka dengan perdagangan.

Mengenai Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA), Malaysia, beliau berkata, walaupun Malaysia merupakan pengeksport dan pengimport utama produk IT, ia menunjukkan Malaysia tidak mementingkan diri dan sebaliknya memperjuangkan hak negara-negara membangun dan yang tidak maju dalam menentukan tarif import mereka terhadap produk IT.

DPIKM juga menyambut baik pendirian yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Manila yang bukan sahaja melindungi kepentingan ekonomi Malaysia tetapi juga ekonomi negara-negara membangun, kata Yahya di majlis makan malam DPIKM dan Pensyarikatan Malaysia di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali turut menghadiri majlis makan malam itu.

Kemudian Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Kejohanan Golf Pensyarikatan Malaysia antara sektor awam dan swasta.

Ia dimenangi oleh sektor awam.

Dr Siti Hasmah yang juga pengerusi Bakti kemudian menerima empat kereta Lotus dan cek bernilai RM100,000 bagi pihak pertubuhan itu.

Kereta-kereta itu disampaikan kepada Bakti kerana tiada pemenang bagi "hole-in-one" dalam kejohanan itu sementara wang itu adalah bagi bangunan Bakti.

Yahya menyampaikan satu daripada kereta itu malam ini sementara Ketua setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali yang juga pengerusi penganjur kejohanan itu menyampaikan cek itu kepada Dr Siti Hasmah.

-- BERNAMA

JM PR